

Terjemahan Artikel Nanyang Siang Pau 21 Mac 2023:

## **Kerancangan Penggunaan e-Dompot: Pencetus Revolusi Ekonomi Digital, Meningkatkan Kutipan Cukai Negara**

Perkembangan ekonomi digital di Malaysia sangat memberangsangkan seiring dengan hasrat Kerajaan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, industri e-Dagang telah berkembang pesat dengan menyumbang sebanyak 11.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2020 berbanding 8.5% tahun 2019. Malah, ia terus meningkat semasa pandemik melanda negara. Misalnya, pada suku pertama tahun 2020, saiz industri e-Dagang telah meningkat daripada RM195.9 billion kepada RM279 billion pada suku ketiga tahun 2021. Perkembangan pesat ini sebenarnya boleh menambahkan pendapatan negara melalui aplikasi e-Dompot yang diguna pakai secara meluas dalam e-Dagang.

Kita maklum bahawa perkhidmatan e-Dompot merupakan antara komponen utama dalam ekosistem ekonomi digital. Terdapat lebih 46 syarikat bukan institusi kewangan yang diluluskan lesennya oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyediakan aplikasi ini. Antara perkhidmatan e-Dompot yang dikenali ramai ialah GrabPay, Touch 'n Go dan Boost.

Kepesatan transformasi ekonomi digital negara terus dipergiatkan lagi apabila negara beralih kepada fasa endemik. Banyak transaksi jual beli yang dahulunya berlaku secara fizikal kini beralih kepada penggunaan e-Dompot di seluruh negara. Keselesaan perbelanjaan tanpa tunai sudah mula sebatu dengan masyarakat Malaysia. Hanya telefon pintar, tablet dan kad kredit atau debit bank menjadi keperluan utama apabila keluar rumah. Keselamatan orang awam lebih terjamin tanpa penggunaan tunai dengan mengurangkan risiko kes jenayah seperti ragut dan penyeluk saku.

### **Mengurangkan Risiko Ekonomi Bayangan**

Perubahan sistem pembayaran daripada tunai kepada sistem elektronik amat digalakkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Melalui Pelan Rangka Tindakan Sektor Kewangan 2011-2020 (FSBP), BNM turut berhasrat untuk mengoptimumkan dan mengukuhkan infrastruktur sedia ada bagi menyokong pembayaran secara elektronik (e-pembayaran). Ini meletakkan industri e-Dompot berada pada waktu yang tepat dan sesuai dengan arah industri kewangan negara.

Penghijrahan daripada instrumen tunai dan cek kepada kos efektif e-Bayaran memberi kelebihan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) apabila penggunaan e-Dompot secara meluas ini mampu mengurangkan risiko kebocoran

kepada ekonomi bayangan khususnya melalui aktiviti haram seperti pengelakan cukai dan rasuah.

Ekonomi bayangan adalah transaksi jual beli atau perolehan pendapatan yang gagal atau kurang dilaporkan kepada pihak berkuasa. Ekonomi yang tidak mematuhi perundangan ini adalah seperti aktiviti yang melibatkan pendapatan daripada sumber yang haram seperti pinjaman wang tidak berlesen, penjualan dadah dan senjata, pemerdagangan manusia serta perdagangan hidupan liar. Sekiranya peniaga hanya mengisytiharkan sebahagian sahaja daripada inventori yang dibeli dan dijualnya, ini menjadikan inventori yang tidak diisytiharkan itu akan dikategorikan dalam ekonomi bayangan.

Bagaimanakah aktiviti ekonomi bayangan ini boleh diatasi menerusi penggunaan e-Dompet?

HASiL menganggarkan saiz ekonomi bayangan di Malaysia adalah sekitar 21% daripada KDNK negara iaitu RM320 billion. Isu ketidakpatuhan cukai ini merupakan isu global dan dialami oleh semua Pihak Berkuasa Percukaian termasuk di negara maju. Apa yang membezakannya adalah peratus ketidakpatuhan yang berlaku atau lebih dikenali sebagai jurang cukai (*tax gap*) iaitu, perbezaan di antara jumlah cukai yang dikutip berbanding jumlah cukai yang sepatutnya dikutip. Jadi, perbezaan jurang cukai tersebutlah akan mewujudkan *TAX GAP*.

Kesan buruk daripada kewujudan ekonomi bayangan ini selain meningkatkan kos kerajaan untuk memantau, ia juga akan menyebabkan berlakunya penipuan seperti eksploitasi pekerja. Selain itu, sokongan terhadap aktiviti haram semakin berleluasa dan ini boleh menjejaskan pendapatan negara apabila kutipan cukai rendah. Bukan itu sahaja, ia turut menjejaskan keyakinan terhadap kredibiliti sistem percukaian terutamanya bagi mereka yang mematuhi cukai secara sukarela.

Di sinilah e-Dompet dapat membantu penguatkuasaan ke atas masalah ekonomi bayangan dengan pembuktian dan perekodan setiap transaksi yang dilakukan melalui platform e-Dagang.

Penetapan beberapa syarat oleh BNM seperti pelaporan pendapatan yang diwajibkan untuk pembaharuan lesen akan meningkatkan kadar pematuhan cukai secara sukarela dalam kalangan syarikat e-Dompet. Semasa pelaporan pendapatan bagi setiap syarikat atau perniagaan, pelbagai data transaksi dalam talian didedahkan dan ini membantu LHDNM untuk mendapatkan maklumat jaringan perniagaan e-Dagang. Pangkalan data tersebut akan digunakan untuk mengenalpasti perniagaan yang berselindung dalam ekonomi bayangan di Malaysia. Dengan adanya maklumat seperti ini, tindakan selanjutnya boleh diambil oleh pihak berkuasa.

Dengan mengadakan kerjasama antara pihak HASiL, BNM dan Jabatan Perangkaan Malaysia terutamanya dalam perkongsian data yang diperoleh melalui e-Dompet,

lebih mudah dan cekap bagi agensi kerajaan untuk melaksanakan pentadbirannya. Sama ada bagi kutipan cukai mahu pun pemberian subsidi bersasar. Tidak terkecuali kepada agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di mana agensi ini juga dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih mudah melalui data yang dikutip daripada e-Dompet itu sendiri. Kejayaan melaksanakan e-Dompet ini akan membantu negara secara menyeluruh.

### **Data Pelanggan Platform e-Dagang Bantu Strategi Percukaian**

Transaksi pembelian dan penjualan melalui platform e-Dagang seperti Lazada, Shopee dan Alipay sememangnya sangat besar serta merentas sempadan. Platform ini memberi kelebihan kepada HASiL terutamanya untuk mendapatkan data pelanggan yang meliputi profil peribadi, penggunaan jumlah perbelanjaan kad kredit, kekerapan pembelian dan jenis barangan digunakan. Berdasarkan data seperti ini, HASiL dapat menganalisis kuasa beli seseorang pelanggan dan kekayaan yang dimiliki

Analisis data bagi kuasa beli rakyat ini mempengaruhi peningkatan kutipan cukai dan ekonomi negara. Ia juga dapat dimanfaatkan oleh HASiL untuk perancangan strategik pendidikan cukai, pematuhan sukarela dan seterusnya kutipan cukai. Bukan sekadar ke arah kutipan cukai, mekanisme ini juga mampu membantu mengenalpasti kelayakan rakyat yang memohon bantuan kerajaan.

### **Inisiatif Pihak HASiL**

HASiL sentiasa proaktif dalam mengambil inisiatif bagi menangani isu ekonomi bayangan dengan tujuan meningkatkan kadar pematuhan cukai dan menambah kutipan hasil negara melalui aktiviti pengesanan, pemantauan dan penguatkuasaan. Dengan penggunaan *Big Data* melalui e-Dompet, HASiL dapat menggunakan data-data dalaman dan luaran bagi mengenal pasti ketidakpatuhan oleh pembayar cukai termasuk mereka yang tiada dalam jaringan cukai HASiL.

HASiL bersama agensi penguatkuasa lain akan sentiasa bekerjasama melaksanakan siasatan dan operasi berkaitan jenayah kewangan. Berdasarkan Akta *National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC) yang telah dikuatkuasakan pada 2 Januari 2020 pelbagai usaha dan kerjasama dapat diwujudkan bersama agensi penguatkuasa yang lain seperti Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Penasihat Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

HASiL juga mempunyai strategi bagi mengatasi isu pengelakan cukai dalam aktiviti ekonomi digital di mana HASiL telah memberi tumpuan kepada aktiviti e-Dompet dan e-Dagang seperti yang wujud dalam ekonomi gig. Sektor ekonomi ini telah menjadi trend baharu kepada masyarakat untuk menceburi bidang pekerjaan secara *freelance* yang menggunakan platform secara dalam talian seperti penterjemah, pelukis pelan, pereka laman web dan sebagainya. Ia merupakan satu sistem pasaran bebas di mana tidak wujud pertalian di antara pekerja dan juga majikan. HASiL adalah bertanggungjawab ke atas pemantauan perniagaan dalam talian menerusi laman web dan juga media-media sosial yang melibatkan transaksi e-Dagang. Selain itu, aktiviti e-Dagang ini juga adalah termasuk individu yang digelar sebagai *Influencer* di mana golongan ini mempunyai pengaruh yang besar dan pengikut yang ramai di laman media sosial. *Influencer* seperti Youtuber dan Instafamous ini menjalankan aktiviti pengiklanan, promosi, perkongsian video dan sebagainya. Semua aktiviti tersebut menghasilkan pendapatan yang lumayan dan layak dikenakan cukai pendapatan.

## **Kesimpulan**

Penggunaan e-Dompet bermanfaat kepada penggunaannya dari segi penyimpanan rekod. Pengguna boleh menyemak jejak transaksi yang terperinci dengan maklumat bayaran seperti tarikh, bulan, masa, jumlah dan penerima bayaran. Penyimpanan rekod sebegini adalah selamat dan boleh disemak semula pada bila-bila masa. Pembayar cukai tidak perlu risau sekiranya menerima permohonan pengemukaan dokumen daripada pihak berkuasa termasuk HASiL untuk semakan audit.

Seterusnya, kepesatan industri e-Dompet memberi faedah kepada pihak kerajaan terutamanya HASiL untuk meningkatkan kutipan cukai negara. Peralihan ke fasa sistem elektronik invois (*e-Invoicing*) bakal menyediakan jejak audit yang lebih telus serta meningkatkan kecekapan dalam sistem percukaian negara. Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh HASiL bagi menangani isu ekonomi bayangan iaitu perkongsian data antara agensi-agensi terlibat akan dapat diperkukuhkan lagi dengan kerancangan penggunaan e-Dompet pada masa kini.

Penggunaan e-Dompet juga dapat membantu negara mengurangkan aktiviti ekonomi bayangan yang wujud disebabkan oleh kegagalan untuk mengesan transaksi yang tidak diisytiharkan. Strategi kutipan cukai oleh HASiL semakin mantap menerusi pelaporan pendapatan oleh syarikat-syarikat penyedia rangkaian e-Dagang dan e-Dompet apabila HASiL mempunyai rekod transaksi perniagaan yang lengkap melalui pelaporan tersebut selain daripada mempunyai maklumat analisis berkaitan kemampuan perbelanjaan rakyat Malaysia. Menerusi analisis perbelanjaan rakyat ini, HASiL dapat menilai kemampuan ekonomi seseorang individu yang melayakkan mereka untuk dikenakan cukai pendapatan.

Dengan pemahaman yang terperinci, HASiL dapat merancang strategi kutipan cukai yang tepat dan pada masa sebenar. Perkembangan pesat dalam industri e-Dagang ini termasuk peningkatan penggunaan e-Dompet ini dijangka mampu menambah kutipan cukai negara sekitar RM200 juta apabila ia mula dilaksanakan pada tahun 2023.

Jadi, seharusnya penggunaan e-Dompet ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin bagi memastikan tiada lagi berlakunya ketirisan kutipan cukai negara dan memberi keadilan kepada semua pembayar cukai.

**Penulis:**

**Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi bin Abdul Rashid**

**Penganalisis Ekonomi**

**Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School**